



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA
Ministry of Defence Malaysia
BAHAGIAN INDUSTRI PERTAHANAN
Defence Industry Division
TINGKAT 2, BLOK B, BANGUNAN ZETRO
JALAN 9/27C, SEKSYEN 5, WANGSA MAJU
53300 KUALA LUMPUR

Telefon : 03-4027 4070
Faks : 03-4027 4277 / 4278

Tel: 03-4027 4065/4072

Rujuk Tuan :

Rujuk Kami : KP(IP)/0080/8 Jil. 4 (4)

Tarikh : 27 Jun 2012

Agihan seperti di bawah:

YBhg.Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/Dato' / Tuan/ Puan,

PELAWAAN MENYERTAI PAVILLION 1MALAYSIA DI PAMERAN 5TH INDO DEFENCE 2012 EXPO & FORUM PADA 7 – 10 NOVEMBER 2012, JAKARTA INDONESIA

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas serta surat Bahagian ini berujukan KP(IP)/0080/8 (14) bertarikh 26 April 2012 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Industri Pertahanan, Penguatkuasaan dan Keselamatan Malaysia (MIDES) merancang untuk mendirikan **Pavillion 1Malaysia** di pameran 5th Indo Defence 2012 yang akan berlangsung **pada 7 hingga 10 November 2012 bertempat di JIExpo, Kemayoran, Jakarta, Indonesia.**

3. Sehubungan itu, MIDES sekali lagi ingin mempelawa syarikat YBhg.Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato' / Tuan/ Puan untuk turut serta dalam menjayakan Pavilion 1Malaysia ini. Perincian berkenaan pelawaan penyertaan syarikat MIDES di bawah Pavillion 1Malaysia adalah seperti di **Lampiran A.**

4. Syarikat-syarikat yang berminat boleh mengisi lengkap borang yang disediakan seperti di **Lampiran B** dan mengembalikannya ke Bahagian Indsurfi Pertahanan **selewat-lewatnya sebelum atau pada 20 Julai 2012** untuk tindakan selanjutnya. Sebarang pertanyaan berkaitan Pavillion 1Malaysia ini bolehlah diajukan kepada pegawai berkenaan:

- 4.1 **Encik Adi Khairuzaman bin Adi Badiozaman**
Tel: 03-40274065/ 4072 Emel : adi@mod.gov.my
- 4.2 **Encik Ezzad bin Abdullah**
Tel: 03-4027 4084 Emel : ea.pd@mod.gov.my
- 4.3 **Pn. Rosnani bte Md. Radzi**
Tel: 03-4027 4077 Emel: rosnani.radzi@mod.gov.my

5. Sokongan dan kerjasama dari pihak YBhg.Tan Sri/ Dato' Seri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"PERTAHANAN NEGARA TANGUNGJAWAB BERSAMA"

Saya yang menurut perintah,



(ADI KHAIRULZAMAN BIN ADI BADIOZAMAN)
Unit Dasar dan Pembangunan Industri Pertahanan
Bahagian Industri Pertahanan
b.p Ketua Setiausaha
Kementerian Pertahanan

**MAKLUMAT BERKAITAN PENGLIBATAN SYARIKAT AHLI MIDES DI BAWAH
PAVILION 1MALAYSIA DI PAMERAN 5TH INDO DEFENCE 2012 EXPO & FORUM
7 – 10 NOVEMBER 2012, JAKARTA INDONESIA**

1. KOS PENYERTAAN SYARIKAT

Butiran kos minima penyertaan/ sewaan tapak oleh syarikat adalah seperti berikut:

<i>i. Outdoor Space</i>	=	<i>US\$ 248 / sq.m (min.60 sq.m)</i>
<i>ii. Bare Space Only</i>	=	<i>US\$ 498 / sq.m (min.15 sq.m)</i>
<i>iii. Walk-on Package</i>	=	<i>US\$ 598 / sq.m (min.12 sq.m)</i>

(Sila rujuk brosur pameran yang disertakan bersama-sama surat ini untuk maklumat lanjut).

2. PILIHAN CARA PENYERTAAN/ PENGLIBATAN SYARIKAT AHLI MIDES DI PAVILION 1MALAYSIA

Syarikat boleh memilih untuk melibatkan diri di dalam pameran ini di bawah Pavilion 1Malaysia secara:

- i) penyertaan syarikat secara berasingan (mempunyai tapak pameran tersendiri atas nama syarikat tersebut sahaja di dalam kawasan tapak pameran Pavilion 1Malaysia);
- ii) penyertaan syarikat-syarikat secara berkumpulan (2 atau lebih syarikat bergabung untuk terlibat sama dan berkongsi kos bagi menyertai pameran tersebut di dalam kawasan tapak pameran Pavilion 1Malaysia);
- iii) penyertaan secara berkumpulan melalui Kumpulan Kerja (KK) MIDES (mengadakan satu kawasan booth pameran secara *clustering* bersama ahli-ahli syarikat KK MIDES di dalam kawasan tapak pameran Pavilion 1Malaysia)
- iv) penyertaan tanpa mempunyai tapak pameran tersendiri dan hanya melalui menghantar maklumat/bahan pameran syarikat sahaja bersama-sama/ tanpa diwakili kakitangan syarikat di dalam kawasan tapak pameran Pavilion 1Malaysia/ MIDES.

3. KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN KEPADA SYARIKAT AHLI MIDES YANG TURUT SERTA DI BAWAH PAVILION 1MALAYSIA

Bagi tujuan mendirikan Pavilion 1Malaysia, MIDES akan menyediakan beberapa kemudahan seperti berikut:

- i) Sebahagian kos bagi mendirikan struktur booth pameran sayarikat/ kumpulan syarikat di dalam kawasan tapak pameran Pavilion 1Malaysia akan ditanggung oleh MIDES (tertakluk kepada peruntukan yang sedia ada/ yang diluluskan oleh Kementerian);
- ii) Kos penghantaran bahan-bahan pameran adalah pada kadar yang amat berpatutan/ pada kadar diskaun;
- iii) Pelbagai program semasa pameran akan dilaksanakan oleh MIDES bagi mempertingkatkan peluang pemasaran dan rangkaian perniagaan antaranya aktiviti *B&B matching* dan *B&G meetings*.
- iv) Bantuan bagi memproses permohonan Geran Pembangunan Pemasaran (MDG) bagi IKS oleh MATRADE.
- v) Lain-lain insentif dan bantuan yang akan diusahakan oleh MIDES kepada syarikat-syarikat yang turut serta dalam pameran tersebut.

Kemudahan-kemudahan serta insentif yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada keadaan semasa, peruntukan yang disediakan bagi program oleh agensi serta faktor-faktor lain yang dimaksudkan dan akan ditentukan oleh MIDES dan Kementerian Pertahanan.

**BORANG PENYERTAAN SYARIKAT AHLI MIDES KE
PAMERAN 5TH INDO DEFENCE 2012 EXPO & FORUM
7 – 10 NOVEMBER 2012, JAKARTA INDONESIA**

Syarikat adalah dimohon untuk mengisi lengkap borang ini dan dimajukan ke Bahagian Industri Pertahanan selewat-lewatnya sebelum atau pada 20 Julai 2012 untuk tindakan selanjutnya.

A. MAKLUMAT SYARIKAT

Syarikat :

Alamat :

.....

.....

Kumpulan Kerja:

B. KATEGORI PENYERTAAN SYARIKAT DI PAMERAN INDO DEFENCE 2012

(Sila tanda √ pada kotak yang berkenaan)

- | | | |
|------|---|--------------------------|
| i. | Secara Berasingan | <input type="checkbox"/> |
| ii. | Secara Berkumpulan (JV dengan syarikat lain) | <input type="checkbox"/> |
| iii. | Secara berkumpul di bawah kluster KK MIDES | <input type="checkbox"/> |
| iv. | Menghantar bahan pameran dan/tanpa wakil syarikat | <input type="checkbox"/> |

**C. MAKLUMAT PEGAWAI PENGURUS/ PERSON IN CHARGE DARI SYARIKAT BERKENAAN
PENYELARASAN DAN PENGLIBATAN SYARIKAT KE PAMERAN 5th INDO DEFENCE 2012**

Nama :

Jawatan:

No. Tel.Pej : No.Faks :

Emel :

(Sila kembalikan borang ini di talian fax kami 03-4027 4277/4278)